

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2021/05/24 – 68

PERKHIDMATAN PERCUKAIAN SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0

Sebagai salah sebuah agensi di bawah Kementerian Kewangan yang diklasifikasikan sebagai menjalankan fungsi perkhidmatan penting (essential services), Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) komited dan berusaha untuk memastikan kesinambungan serta kelancaran perkhidmatan percukaian. Sehubungan itu, LHDNM ingin memaklumkan bahawa perkhidmatan-perkhidmatan LHDNM akan terus ditawarkan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Walau bagaimanapun, dengan mengambil kira usaha berterusan Kerajaan untuk memutuskan rantaian penularan wabak COVID-19, tempoh operasi dan kaedah perkhidmatan akan dihadkan serta disusun mengikut kesesuaian. Pembayar cukai dan pelanggan boleh merujuk jadual berikut dalam membuat urusan percukaian dengan LHDNM bermula 25 Mei 2021:



/LHDNM



@LHDNMofficial



LHDNM



LhdnTube

Muka surat 1 daripada 5

Perkhidmatan	Waktu Operasi
<ul style="list-style-type: none"> • Kaunter Setempat (Perkhidmatan Percukaian); dan • Kaunter Bantuan Khas Kerajaan 	<ul style="list-style-type: none"> • Kaunter ditutup, di mana pembayar cukai dan pelanggan boleh menggunakan perkhidmatan dalam talian. • Bagi pembayar cukai dan pelanggan yang perlu hadir ke kaunter, mereka wajib membuat janji temu terlebih dahulu dengan menghubungi Pejabat Pengarah Negeri / Pengarah Cawangan / Customer Care Officer (CCO) cawangan LHDNM. <p>Pautan senarai Pejabat Pengarah Negeri / Pengarah Cawangan LHDNM: http://www.hasil.gov.my/bt_goindex.php?bt_kump=2&bt_skum=2&bt_posi=1&bt_unit=4&bt_sequ=1</p> <p>Pautan senarai CCO Cawangan LHDNM: http://www.hasil.gov.my/bt_goindex.php?bt_kump=2&bt_skum=5&bt_posi=1&bt_unit=3&bt_sequ=1</p>
<ul style="list-style-type: none"> • Kaunter Duti Setem (Pejabat Setem Cawangan / Pejabat Satelit dan Pusat Khidmat Hasil) 	<ul style="list-style-type: none"> • Urusan dibuka kepada pelanggan dan Pembayar Duti Individu yang tidak boleh mendaftar sebagai pengguna <i>Stamp Assessment And Payment System</i> (STAMPS) sahaja. • Pembayar Duti Selain Individu (Ejen STAMPS) diwajibkan untuk mengemukakan permohonan dan bayaran secara dalam talian melalui STAMPS



	<ul style="list-style-type: none"> Waktu operasi kaunter adalah seperti berikut: <p>Berdasarkan Hari Bekerja di Setiap Negeri</p> <p>8.00 pagi - 1.00 tengah hari</p> <p>*Penerimaan bayaran sehingga 12.00 tengah hari sahaja</p>
--	--

Bagi **Kaunter Pusat Bayaran** di Pusat Bayaran Kuala Lumpur, Pusat Bayaran Kota Kinabalu dan Pusat Bayaran Kuching, waktu operasi sepanjang PKP 3.0 adalah seperti berikut:

Perkhidmatan	Waktu Operasi	
Kaunter Pusat Bayaran LHDNM (Pusat Bayaran Kuala Lumpur, Pusat Bayaran Kota Kinabalu & Pusat Bayaran Kuching)	Bayaran Tunai dan Cek: <ul style="list-style-type: none"> Cukai Pegangan; Seniman Kembara; Cukai Keuntungan Harta Tanah Oleh Penerima; Kompaun. 	Isnin - Jumaat 8.00 pagi - 12.00 tengah hari
	Bayaran Menggunakan Kad Kredit dan Kad Debit: <ul style="list-style-type: none"> Cukai Pendapatan dan Lain-lain Cukai 	
Perkhidmatan Lain		Isnin - Jumaat (Perkhidmatan hanya melalui janji temu sahaja)



Talian pejabat akan berfungsi seperti biasa dengan waktu operasi terhad seperti berikut:

Perkhidmatan	Waktu Operasi	
Panggilan Telefon	Hasil Care Line (Pusat Panggilan dan Live Chat)	9.00 pagi - 5.00 petang (Isnin - Jumaat)
	Ibu Pejabat / Cawangan LHDNM	8.00 pagi - 4.00 petang (Berdasarkan Hari Bekerja di Setiap Negeri)

Para pelanggan juga hendaklah memberikan perhatian kepada perkara-perkara berikut:

- i. Perkhidmatan di kaunter-kaunter LHDNM dalam tempoh ini akan dihadkan kepada pelanggan-pelanggan yang berisiko rendah sahaja berdasarkan kepada aplikasi MySejahtera.
- ii. Para pelanggan yang menghadiri janji temu wajib mematuhi setiap Prosedur Operasi Standard (S.O.P) yang telah ditetapkan oleh Kerajaan seperti sentiasa memakai pelitup muka (face mask) serta mengamalkan penjarakan sosial.
- iii. Pemeriksaan saringan suhu badan dan gejala COVID-19 akan diteruskan terhadap semua pegawai, pelanggan, kontraktor dan pelawat yang hadir ke premis-premis LHDNM.



- iv. Para pelanggan disyorkan untuk membuat semakan senarai pejabat dan cawangan LHDNM yang ditutup sementara terlebih dahulu sebelum hadir ke mana-mana premis bagi mengelakkan sebarang kesulitan. Senarai tersebut boleh dicapai melalui pautan pantas berikut:-

http://phl.hasil.gov.my/pdf/pdfam/Notis_Penutupan_Cawangan_LHDNM_1.pdf

Sebarang pertanyaan serta maklum balas berkaitan boleh dimajukan kepada LHDNM melalui:

- a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan Oleh:
Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658/21666/21695/21674/21663 | 📠 : 03-8313 7873
 Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)
 Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 24 Mei 2021



/LHDNM



@LHDNMofficial



LHDNM



LhdnTube

Muka surat 5 daripada 5